

Mohd Khairizal Khahidir

From: Shahriza Bahari
Sent: Tuesday, 21 February, 2023 10:32 AM
To: Josffa Ismail; Ilyana Norsaidah Ab Rahman
Cc: Wan Fazlin Nadia Wan Osman; Mohammed Alamin Rehan; Mohd Suzlezan Supu; Mohd Khairizal Khahidir; Mohd Amrol Md Khair
Subject: RE: Permohonan WFH 20-24 Februari 2023

Assalam,

En. Josffa,

Saya menyokong permohonan BDR Puan Ilyana di atas justifikasi berikut:

1. Beliau telahpun mengambil cuti rehat sebanyak 7 hari disebabkan anak yang dimasukkan ke hospital untuk rawatan.
2. Beliau boleh mengambil cuti lanjut untuk penjagaan dan pengawasan khas anaknya seperti saranan doktor, tetapi oleh kerana terdapat banyak kerja-kerja hakiki yang perlu dilaksanakan segera, beliau memilih untuk WFH.
3. Tempoh masa yang dipohon hanya 5 hari sahaja.

Sebagai penyelia, saya bersyukur pegawai saya seorang yang bertanggungjawab dan komited terhadap tugasannya. Beliau sanggup untuk menyelesaikan tugasannya di rumah disamping mengawasi kesihatan anaknya (dengan saranan doktor, seperti yang telah dinyatakan). Pada saya, ini adalah satu sikap yang amat baik. Jika WFH, ini bermaksud saya boleh hubungi beliau bila-bila masa waktu bekerja atas tuntutan tugas rasmi, berbanding jika beliau bercuti.

Oleh itu, sekali lagi, saya memohon untuk pihak tuan menimbangkan permohonan ini seiring emel yang dikeluarkan iaitu "warga yang ingin memohon BDR mestilah melalui pihak HRMD dengan justifikasi yang kukuh". Pada saya, ini adalah justifikasi yang amat kukuh.

Sekian, terima kasih.

Shahriza Bahari
Timbalan Pengarah
Seksyen Daya Saing Negara (NCS)

From: Josffa Ismail <josffa@mpc.gov.my>
Sent: Monday, 20 February, 2023 4:33 PM
To: Ilyana Norsaidah Ab Rahman <ilyana@mpc.gov.my>; Shahriza Bahari <Shahriza@mpc.gov.my>
Cc: Wan Fazlin Nadia Wan Osman <nadia@mpc.gov.my>; Mohammed Alamin Rehan <alamin@mpc.gov.my>; Mohd Suzlezan Supu <suzlezan@mpc.gov.my>; Mohd Khairizal Khahidir <Khairizal@mpc.gov.my>; Mohd Amrol Md Khair <Amrol@mpc.gov.my>
Subject: FW: Permohonan WFH 20-24 Februari 2023

Wassalam Puan Ilyana.

Saya merujuk kepada email yang telah dikeluarkan oleh Unit HRMD pada 26 Januari 2023 bahawa sebarang permohonan BDR perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan MPC melalui permohonan unit HRMD dengan merujuk kepada snapshot email di bawah ini.


1. Pihak kami perlukan penyelia untuk memberikan sokongan kepada permohonan puan melalui email ini dan justifikasi kerja-kerja yang puan perlu laksanakan pada minggu ini secara BDR. Sila ambil maklum bahawa penyelia adalah bertanggungjawab kepada pemantauan prestasi kerja puan.

Dengan sokongan email ini, Unit HRMD akan memohon WFH bagi Puan melalui sistem EMAS untuk mendapatkan kelulusan. Unit HRMD juga ingin memaklumkan bahawa puan perlu bersedia untuk mengambil cuti rehat sekiranya permohonan puan tidak lulus dalam sistem EMAS nanti.

Sila hubungi saya atau En. Khairizal sekiranya puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut.

Sekian, terima kasih.

Josffa Ismail
Timbalan Pengarah
Unit HRMD



BEKERJA DARI RUMAH (BDR)



HR MPC

To: **Warga MPC**

Cc: **Josffa Ismail**; **Mohd Khairizal Khahidir**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,


YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

Untuk makluman warga semua, kemudahan Bekerja Dari Rumah (BDR) hanya akan dibenarkan dei
Warga yang ingin memohon BDR, mestilah melalui pihak HRMD dengan justifikasi yang kukuh.
Kemudahan BDR dengan kelulusan penyelia, tidak diterima pakai dan warga disarankan untuk men
Penyelia adalah bertanggungjawab terhadap keberadaan pegawai seliaan mereka.

Kerjasama anda semua amat dihargai.

Terima kasih.

Unit HRMD



From: Ilyana Norsaidah Ab Rahman <ilyana@mpc.gov.my>

Sent: Monday, 20 February, 2023 12:49 AM

To: Josffa Ismail <josffa@mpc.gov.my>

Cc: Wan Fazlin Nadia Wan Osman <nadia@mpc.gov.my>; Shahriza Bahari <Shahriza@mpc.gov.my>; Mohd Suzlezan Supu <suzlezan@mpc.gov.my>

Subject: Permohonan WFH 20-24 Februari 2023

Assalamualaikum En Josffa,

Permohonan di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa anak kedua saya iaitu, Isa Eilhan telah dimasukkan ke wad di Hospital Cyberjaya bermula **9 – 18 Februari 2023** disebabkan jangkitan kuman pada paru-paru. Saya juga telah memohon cuti rehat selama 7 hari bagi tujuan menjaga beliau di hospital bermula **9 – 17 Februari 2023.**

3. Lanjutan daripada itu, Dr telah menyarankan untuk saya menjaga dan mengawasi sepenuhnya anak saya di rumah sebelum menghantar ke taska memandangkan beliau masih memerlukan pengawasan dan jagaan yang khusus. Pihak hospital juga telah memberikan diari batuk untuk diisi bagi tujuan lawatan follow up pada 30 Mac 2023.

4. Oleh itu, saya ingin mendapatkan kelulusan bagi WFH bermula 20-24 Februari 2023 disamping dapat menjaga dan mengawasi anak di rumah. Disertakan di lampiran discaj note untuk rujukan. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ILYANA NORSAIDAH BT. AB. RAHMAN

Assistant Manager

National Competitiveness Section (NCS)

Malaysia Productivity Corporation (MPC)

T : 03- 7955 7266

E : ilyana@mpc.gov.my